

BAB 7

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

7.1 Pengenalan

Bab ini merumuskan penemuan kajian berdasarkan hubungan antara faktor-faktor latar belakang pelajar, kecekapan matematik dan sikap positif terhadap cara pembelajaran dengan prestasi pelajar di Universiti Malaya secara keseluruhan dan mengikut jenis aliran pengajian. Seterusnya, bab ini juga merumuskan beberapa limitasi dan cadangan untuk memperbaiki metodologi kajian serta strategi-strategi untuk mempertingkatkan pencapaian akademik di institusi pengajian tinggi.

7.2 Penemuan Kajian

Perbezaan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar di Universiti Malaya pada hakikatnya dapat diterangkan oleh satu set pembolehubah latar belakang pelajar, kecekapan matematik dan sikap positif terhadap pelajaran. Kesan bersih setiap faktor ini digambarkan oleh model regresi berganda yang paling berpadanan. Berdasarkan kepada keputusan awal, didapati bahawa pada keseluruhannya, pencapaian akademik pelajar bergantung kepada faktor kumpulan etnik, agregit SPM/ SPVM yang pernah dicapai oleh pelajar berkenaan dan sikap positif terhadap pelajaran. Walau bagaimanapun, model yang paling berpadanan juga merangkumi faktor jenis sekolah rendah di samping faktor-faktor

tersebut. Pencapaian akademik oleh pelajar bukan Bumiputra pada puratanya lebih baik. Begitu juga dengan pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan juga mencapai keputusan yang lebih baik daripada pelajar yang berasal dari Sekolah Kebangsaan. Kedua-dua faktor ini adalah saling berhubungan dengan nilai interkorelasi 'r' bernilai 0.45. Kumpulan etnik dan jenis sekolah rendah yang berbeza telah memberi pengalaman dan iklim pembelajaran yang berbeza yang seterusnya telah membentuk sikap dan tingkah laku serta persepsi yang berbeza terhadap pelajaran pada masa hadapan pelajar berkenaan.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan makin baik pencapaian agregit SPM/ SPVM, makin baik prestasi pelajar yang berkenaan. Ini bermakna pencapaian akademik terdahulu boleh mempengaruhi prestasi pelajar semasa belajar di universiti. Kejayaan terdahulu memberi motivasi kepada pelajar untuk terus maju dalam bidang akademik. Pencapaian keputusan SPM/ SPVM yang cemerlang juga menandakan bahawa pelajar berkenaan amat mengambil berat tentang pelajaran mereka. Sikap yang positif terhadap pelajaran ini seterusnya mendorong pelajar berkenaan untuk terus memperolehi keputusan yang baik.

Selain itu, kajian ini juga mencadangkan beberapa cara pembelajaran yang seharusnya diamalkan oleh pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Antaranya termasuklah:

- (i) Mengkaji formula, carta, jadual dan graf untuk memahami isi kuliah dengan lebih kerap;

- (ii) Selalu mengatur masa yang sesuai untuk belajar, berehat dan bermain;
- (iii) Selalu mengkaji semula nota kuliah selepas sahaja kuliah;
- (iv) Pelajar yang selalu berasa dapat mengikuti semua kursus yang diambil dengan mudah juga cenderung mencapai keputusan yang lebih baik;
- (v) Selalu mengatur semua nota kuliah dan bahan-bahan yang berhubungan dengan kursus dengan teratur;
- (vi) Memberi tumpuan kepada pengajian walaupun dalam beberapa minggu awal semester;
- (vii) Selalu menghadiri kelas;
- (viii) Selalu tidak menangguh mengambil nota semasa kuliah/ tutorial;
- (ix) Selalu duduk di hadapan semasa kelas/ tutorial;
- (x) Tidak mudah berasa jemu atau letih apabila membaca bahan tambahan untuk kursus.

Kekerapan mengamalkan cara-cara pembelajaran seperti tersebut di atas membolehkan pelajar yang berkenaan lebih cekap mengatur masa untuk aktiviti harian, menyelesaikan kerja kursus dengan lebih efisien, memahami bahan kuliah dengan lebih mudah dan menyusun langkah yang lebih teratur menjelang peperiksaan. Melalui jumlah skor ke atas kriteria yang digunakan untuk membentuk sikap terhadap pelajaran seperti yang dinyatakan di atas, didapati bahawa sikap yang positif ini amat berkesan dalam usaha mempertingkatkan prestasi pelajar di Universiti Malaya. Ini seterusnya meningkatkan keyakinan pelajar terhadap keupayaan diri sendiri dan membentuk

persepsi yang positif. Dengan demikian, wujud dorongan dalaman untuk terus maju dalam segala bidang yang diceburi termasuk bidang akademik.

Sementara itu, pencapaian akademik bagi pelajar aliran Sains juga dipengaruhi oleh faktor kecekapan matematik yang diukur oleh mata gred Matematik yang dicapai dalam peperiksaan SPM/ SPVM selain daripada ciri-ciri demografi latar belakang pelajar dan sikap terhadap pelajaran yang dibincangkan di atas. Pelajar yang mencapai mata gred yang baik dalam matapelajaran tersebut juga mencapai keputusan yang lebih baik. Dengan demikian, pengetahuan matematik yang sedia ada boleh dimanfaatkan untuk pengajian kursus aliran Sains.

Pencapaian akademik pelajar aliran Sastera pula dipengaruhi oleh kumpulan etnik, agregat SPM/ SPVM yang pernah dicapai oleh pelajar berkenaan dan sikap positif terhadap pelajaran. Pencapaian akademik oleh pelajar bukan Bumiputra pada puratanya lebih baik. Walaupun min CGPA yang dicapai berhubung secara signifikan dengan pencapaian semasa peperiksaan SPM/ SPVM, namun kaitannya adalah rendah.

Di samping itu, pencapaian akademik pelajar aliran Sastera Profesional mendapat kesan yang signifikan daripada faktor jenis sekolah rendah di mana pencapaian pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan pada puratanya lebih baik berbanding dengan pencapaian pelajar dari Sekolah Kebangsaan. Pencapaian akademik bagi pelajar yang mempunyai bapa berpendidikan tinggi khususnya golongan yang berkecukupan sehingga tingkatan 6 dan ke atas adalah lebih baik. Bapa yang

berpendidikan tinggi boleh menjadi penggalak yang berkesan dan dengan demikian memberi pengaruh yang ketara terhadap tahap pencapaian akademik anak.. Berhubungan dengan pengaruh kecekapan matematik, pelajar yang pernah mengambil Matematik Tambahan mencapai keputusan yang lebih baik daripada pelajar yang tak pernah mengambil Matematik Tambahan. Ini bermakna pengetahuan Matematik Tambahan amat berguna dalam pengajian kursus aliran Sastera Profesional.

7.3 Limitasi Kajian Dan Cadangan

Semua model regresi yang diperolehi menunjukkan nilai R^2 terlaras yang rendah mencadangkan pembolehubah-pembolehubah tak bersandar yang digunakan tidak dapat menerangkan kebanyakan variasi tahap pencapaian akademik di UM dengan sepenuhnya. Oleh itu, mungkin masih terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar di universiti yang tidak dimasukkan ke dalam borang soal selidik bagi sampel kajian ini. Antaranya adalah seperti kaedah pengajaran pensyarah, usaha pelajar untuk memperbaiki pencapaian dan motivasi serta persepsi pelajar terhadap universiti ini. Di samping itu, status ekonomi keluarga boleh jadi satu daripada faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di UM. Oleh yang demikian, kajian seterusnya boleh dijalankan dengan mengambilkira faktor-faktor seperti ini.

Selain itu, bilangan data yang sah untuk analisa kurang daripada yang sepatutnya disebabkan masalah ketidaklengkapan maklumat yang dipungut melalui borang soal

selidik. Dengan demikian, penemuduga seharusnya memberi bimbingan dan keterangan yang lebih teliti kepada responden semasa soal selidik dijalankan.

Di samping itu, ukuran untuk kecekapan matematik mungkin tidak dapat ditentukan sepenuhnya hanya dengan mengambilkira gred Matematik yang dicapai semasa peperiksaan SPM. Dengan demikian, demi meningkatkan kebolehpercayaan kajian ini, disyorkan bahawa satu set soalan matematik yang lebih sempurna yang merangkumi segala aspek kemahiran kognitif perlu dibentuk dan diberi kepada responden untuk menguji kecekapan mereka menyelesaikan masalah dalam tempoh yang ditetapkan di samping borang soal selidik yang dibekalkan. Dalam pada itu, adalah penting untuk mengenalpasti hubungan antara tahap kecerdikan dengan pencapaian matematik agar kesan secara langsung atau tidak langsung antara kedua-dua faktor ini dengan pencapaian akademik dapat disimpulkan.

Di samping itu, dalam kajian ke atas amalan cara pembelajaran dan sikap positif terhadap pelajaran juga dicadangkan agar beberapa soalan terbuka diberi kepada responden untuk meminta pandangan mereka berkenaan hal ini. Dengan demikian, strategi yang lebih berkesan dapat diambil untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar di institusi pengajian tinggi.

Kesimpulan

Diharapkan penemuan ini dapat membantu pelajar, pensyarah dan pihak pentadbir universiti untuk mengenalpasti faktor-faktor penentu prestasi pelajar dan seterusnya membuat perancangan dan keputusan yang bijak untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar.